# Terms and Conditions for QuickCash Flexi Payment Plan (herein referred to as the "Programme")

1. The Programme is made available to the Principal Cardholders of AmBank (M) Berhad ("AmBank") and AmBank Islamic Berhad ("AmBank Islamic") (collectively referred to as "the Bank"); inclusive of M-Card whose account is regularised (not in default) and has available credit limit at the time of application (excluding Debit Card, PrePaid Card, Corporate and Commercial Card).

2. A minimum amount of **RM1,000** (Ringgit Malaysia One Thousand Only) is applicable per QuickCash request. Maximum amount is subject to Cardholder's available credit limit if Cardholders are not considered as New-to-Bank Cardholders.

3. The Programme instalment tenures are **twelve (12), twenty-four (24) and thirty-six (36) months** or such other period as specified by the Bank from time to time.

4. The Programme allows New-to-Bank Cardholders holding their first AmBank / AmBank Islamic Principal Credit Card/-i for not more than six (6) months from the card approval date to draw up to 50% or 70% of Cardholder's existing credit limit based on credit card/-i type and Cardholder's risk grade are subject to approval. Cards cancelled less than twelve (12) months and reapplied during the Programme Period will not be considered as New-To-Bank customers.

| **Credit Card/-i Type** | **Capped Limit** |
|---|---|
| Classic and Gold | Up to 50% of credit limit |
| Platinum, Signature, Infinite and World | Up to 70% of credit limit |

E.g Cardholder holds a platinum card with RM10,000 (Ringgit Malaysia Ten Thousand Only) credit limit, cardholder is eligible to apply for RM7,000 (Ringgit Malaysia Seven Thousand Only) QuickCash exclusive of interest/management fees. Hence, the total amount of principal and interest/management fees is computed as follows: [RM7,000 + (RM7,000 x 7.88% x 1 year)] = RM7,551.60. Cardholder may have remaining outstanding balance of RM2,448.40 or less.

5. A special interest rate/ management fee of **7.88% flat per annum** will be charged to the Cardholder's account based on the amount approved.

| **Interest rate/management fee** | **Tenure (months)** | **Effective interest /management fee rate** |
|---|---|---|
| 7.88% flat per annum | 12 | 14.24% p.a. |
| 7.88% flat per annum | 24 | 14.47% p.a. |
| 7.88% flat per annum | 36 | 14.34% p.a. |

This is a one-time interest rate/ management fee and will be calculated upfront on the principal amount and will be billed over a period of **twelve (12), twenty-four (24) and thirty-six (36)** months instalment as selected.
E.g. for approved QuickCash amount of RM20,000 (Ringgit Malaysia Twenty Thousand Only), the monthly instalment is computed as follows: [RM20,000 + (RM20,000 x 7.88% x 2 year)] / 24 months = RM964.67 per month.

6. **The QuickCash amount shall be treated as a cash advance.** In the event of the monthly principal instalment amount and the monthly interest/management fee instalment amount is not paid in full on the payment due date, the Cardholder will be liable for a finance/management fee charge at the rate of 1.5% per month calculated on a daily rest basis on the outstanding principal balances. In accordance with the Card Agreement, the prevailing card interest or finance charges / management fee rate / fee or such rate as prescribed by the Bank from time to time will be chargeable on the outstanding principal amount remaining unpaid on the due date from the posting date until the full

payment is credited into the Cardholder's account with at least twenty-one (21) calendar days' notice to Cardholders before the new terms and conditions take effect.

7. The Bank shall be entitled to debit **RM100** (Ringgit Malaysia One Hundred Only) from the Cardholder's account for **any early settlement** of the amount ahead of the instalment tenure (not applicable to TRUE by AmBank VISA Card, BonusLink VISA Card and M-Card). All outstanding instalments with its respective interest / management fee for the entire tenure shall immediately become due and payable in any early settlement. For the avoidance of doubt, any cancellation of the Card shall be regarded as an early settlement under the Programme and the Bank shall similarly be entitled to debit the amount of RM100 (Ringgit Malaysia One Hundred Only) from the Cardholder's account and shall have the right to claim and be paid with all outstanding instalments with its respective interest/management fee for the entire tenure, due to the aforesaid reason.

8. The Bank shall have the right and absolute discretion to vary, amend, delete or add to any of these Terms and Conditions specifically set out herein, in whole or in any part from time to time including to end the Programme earlier or extend it further as it is deemed necessary and appropriate with at least twenty-one (21) calendar days' notice to Cardholders before the new terms and conditions take effect. The Programme may be replaced in whole or in part by another Programme at the Bank's absolute discretion, with at least twenty-one (21) calendar days' notice to Cardholders before the new terms and conditions take effect.

9. Regardless of whether an event of default has occurred, the Bank shall be entitled at its absolute discretion at any time, with at least twenty-one (21) calendar days' notice to Cardholders before the new terms and conditions take effect to terminate the Programme facility made available to the Cardholder, whereupon all outstanding monthly instalments with the respective interest / management fee rate shall immediately become due and payable upon the Bank's demand of the same by notice in writing to the Cardholder. All such outstanding QuickCash Flexi Payment Plan amount will be shown in the monthly statement and the Cardholder shall pay the same in accordance with the provisions of the Card Agreement in default of which, the Bank shall be entitled to exercise its rights under the Card Agreement.

10. The Bank may defer, suspend or reject any application for the Programme in the event but not limited to, if the amount requested exceeds the Cardholder's credit limit **or** the amount requested does not meet the minimum prescribed transfer or request amount or if the Cardholder's account has insufficient available balance or such other reason as may be deemed fit by the Bank at its absolute discretion. Where the Cardholder's application is successful, payment to the Cardholder's bank account in the case of QuickCash will be made in the manner provided herein.

11. Signature of the Cardholder on the application form or consent obtained via phone call will be deemed conclusive proof of the Cardholder's instruction to the Bank for the release of the requested amount.

12. The Cardholder's existing credit limit and the one-time interest / management fee calculated upfront will be reserved for the approved amount and shall not be available to the Cardholder until it is progressively restored by the Bank on monthly basis as payment of each instalment amount is made.

13. In the case of QuickCash:
    a. It is not applicable for cash withdrawal at ATMs using Cardholder's credit card/-i.
    b. Amount approved will only be disbursed into the Cardholder's personal banking account maintained in Malaysia.

14. AmBonus/ BonusLink Points will not be awarded for any transactions under this Programme.

15. The Programme is valid until **28 February 2019**. All requests after the expiry date will be at the Bank's absolute discretion.

16. Any cancellations of Cardholder's application which has been approved by the Bank will not be entertained.

17. The Bank shall not be liable for any default in respect of the Programme due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, technical or system failures or any event beyond the reasonable control of the Bank.

18. All terms and conditions stipulated herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

19. Cardholders are required to visit ambank.com.my for the latest Programme's terms and conditions.

20. For any assistance, Cardholder may contact the Bank through its Contact Centre at +603 2178 8888.

## Terma dan Syarat bagi Pelan Bayaran Fleksi QuickCash (di sini dirujuk sebagai "Program")

1. Program ini disediakan kepada Pemegang Kad Utama AmBank (M) Berhad ("AmBank") dan AmBank Islamic Berhad ("AmBank Islamic") (secara kolektifnya dirujuk sebagai "Bank"); termasuk M-Card, di mana akaunnya sudah dilaraskan (tidak mungkir) serta mempunyai had kredit sedia ada pada masa permohonannya (tidak termasuk Kad Debit, Kad Prabayar, Kad Korporat dan Kad Komersil).

2. Amaun minimum untuk permohonan QuickCash adalah **RM1,000** (Ringgit Malaysia Seribu Sahaja). Amaun maksimum adalah tertakluk kepada had kredit Pemegang Kad yang sedia ada jika Pemegang Kad bukan Pemegang Kad Baharu.

3. Tempoh ansuran Program adalah ditetapkan pada **dua belas (12), dua puluh empat (24) dan tiga puluh enam (36) bulan** atau tempoh lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

4. Program ini membolehkan Pemegang Kad baharu yang sedang memegang Kad Kredit/-i Utama AmBank / AmBank Islamic dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan kad untuk memohon QuickCash sehingga 50% atau 70% daripada had kredit sedia ada berdasarkan jenis kad dan gred risiko Pemegang Kad tertakluk kepada kelulusan. Kad dibatalkan kurang daripada dua belas (12) bulan dan digunakan semula semasa Tempoh Program tidak akan dianggap sebagai pelanggan Baru-ke-Bank.

| **Jenis Kad Kredit/-i** | **Had Penepatan** |
|---|---|
| Classic dan Gold | Sehingga 50% had kredit sedia ada |
| Platinum, Signature, Infinite dan World | Sehingga 70% had kredit sedia ada |

Contoh: Pemegang kad platinum mempunyai had kredit sebanyak RM10,000 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja), pemegang kad layak memohon RM7,000 (Ringgit Malaysia Tujuh Ribu Sahaja) QuickCash tidak termasuk faedah/yuran pengurusan. Jadi, jumlah amoun QuickCash dan faedah/yuran pengurusan dikira seperti berikut: [RM7,000 + (RM7,000 x 7.88% x 1 tahun)] = RM7,551.60. Pemegang Kad mungkin mempunyai baki tertunggak sebanyak RM2,448.40 atau kurang.

5. Kadar faedah/yuran pengurusan rata istimewa pada **7.88% setahun** akan dicajkan kepada akaun Pemegang Kad berdasarkan amaun yang diluluskan.

| **Kadar faedah/yuran pengurusan** | **Tempoh (Bulan)** | **Kadar faedah/yuran pengurusan efektif** |
|---|---|---|
| 7.88% setahun | 12 | 14.24% setahun |
| 7.88% setahun | 24 | 14.47% setahun |
| 7.88% setahun | 36 | 14.34% setahun |

Ini adalah kadar faedah/yuran pengurusan yang dikira sekali sahaja terhadap amaun prinsipal, dan akan dibilkan di sepanjang tempoh ansuran selama **dua belas (12), dua puluh empat (24) dan tiga puluh enam (36) bulan**.
Contohnya bagi amaun QuickCash yang diluluskan sebanyak RM20,000 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja), ansuran bulanan akan dikira seperti berikut: [RM20,000 + (RM20,000 x 7.88%) x 2 tahun] / 24 bulan = RM964.67 sebulan.

6. **Amaun QuickCash akan dianggap sebagai pendahuluan tunai.** Sekiranya bayaran ansuran prinsipal bulanan dan ansuran faedah/yuran pengurusan bulanan tidak diterima sepenuhnya pada tarikh akhir bayaran, Pemegang Kad akan dikenakan kadar faedah/yuran pengurusan pada 1.5% setiap bulan yang dikira harian ke atas baki prinsipal tertunggak. Selaras dengan Perjanjian Kad, kadar faedah/yuran pengurusan kad yang berkuatkuasa atau kadar seumpamanya, seperti yang

ditetapkan oleh pihak Bank dengan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis kepada Pemegang Kad sebelum Terma dan Syarat baharu berkuat kuasa, menurut budi bicara mutlak Bank, akan dicaj ke atas amaun prinsipal tertunggak yang belum dibayar pada tarikh akhir dari tarikh catatan sehingga bayaran penuh dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad.

7. Bank berhak untuk mendebit **RM100** (Ringgit Malaysia Seratus Sahaja) daripada akaun Pemegang Kad bagi sebarang **penjelasan amaun ansuran yang lebih awal** daripada tempoh ansuran (tidak sah untuk TRUE by AmBank VISA Card, BonusLink VISA Card and M-Card). Semua ansuran bulanan tertunggak bersama dengan kadar faedahnya / kadar yuran pengurusannya, akan serta-merta matang tempohnya, dan perlu dijelaskan sepenuhnya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan kad akan dianggap sebagai penjelasan awal di bawah Program dan Bank juga berhak untuk mendebit **RM100** (Ringgit Malaysia Seratus Sahaja) daripada akaun Pemegang Kad dan berhak untuk menuntut dan dibayar dengan segala ansuran tunggakan bersama faedah / yuran pengurusan/kos masing-masing untuk keseluruhan tempoh, akibat daripada sebab tersebut di atas.

8. Bank berhak dan mempunyai budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah sebarang Terma dan Syarat yang dinyatakan disini, secara menyeluruh atau sebahagian daripadanya dari semasa ke semasa sebagaimana yang dianggap sesuai dan wajar oleh Bank dengan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis kepada Pemegang Kad sebelum Terma dan Syarat baharu berkuat kuasa. Program tersebut boleh digantikan secara keseluruhannya atau sebahagiannya dengan program lain menurut budi bicara mutlak Bank, dengan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis kepada Pemegang Kad sebelum Terma dan Syarat baharu berkuat kuasa.

9. Tanpa mengira sama ada peristiwa mungkir telah berlaku, dengan budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa, Bank berhak menamatkan kemudahan Program yang disediakan kepada Pemegang Kad dengan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis kepada Pemegang Kad sebelum Terma dan Syarat baharu berkuat kuasa. Semua ansuran bulanan tertunggak bersama dengan kadar faedahnya / yuran pengurusan, akan serta-merta matang tempohnya, dan perlu dijelaskan sepenuhnya, sebaik sahaja notis tuntutan pembayaran secara bertulis telah dihantar kepada Pemegang Kad. Kesemua jumlah tertunggak di bawah Pelan Pembayaran QuickCash Flexi serta jumlah faedahnya / yuran pengurusannya akan dinyatakan dalam penyata bulanan. Menurut peruntukan Perjanjian Kad, Pemegang Kad adalah dikehendaki untuk menjelaskan amaun tersebut, dan sekiranya dimungkiri, Bank berhak melaksanakan haknya seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Kad tersebut.

10. Mengikut budi bicaranya, Bank berhak menangguh, menggantung atau menolak mana-mana permohonan Program, sekiranya didapati tetapi tidak terhad kepada, jika amaun yang dipohon melebihi had kredit Pemegang Kad, **atau** amaun yang dipohon tidak memenuhi amaun minimum yang ditetapkan, atau akaun Pemegang Kad mempunyai baki yang tidak mencukupi atau alasan seumpamanya yang dianggap sesuai oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya. Sekiranya permohonan Pemegang Kad telah berjaya, pembayaran yang akan dimasukkan ke dalam akaun Pemegang Kad akan dilakukan mengikut cara seperti yang diperuntukkan di sini.

11. Tandatangan Pemegang Kad pada borang permohonan atau persetujuan Pemegang Kad yang diperolehi oleh Bank melalui panggilan telefon akan dianggap sebagai bukti muktamad arahan Pemegang Kad kepada Bank untuk membayar jumlah yang telah dimohon untuk permintaan QuickCash.

12. Had kredit Pemegang Kad akan diperuntukkan untuk amaun yang telah diluluskan dan faedah / yuran pengurusan yang dikenakan sekali dan dikira terdahulu. Oleh itu, had kredit tidak akan

tersedia kepada Pemegang Kad tetapi akan ditambah secara progresif setiap bulan mengikut penjelasan ansuran bulanan yang dilakukan oleh Pemegang Kad.

13. Untuk kes-kes QuickCash:
    a. Tidak terpakai untuk pengeluaran tunai di ATM dengan menggunakan kad kredit/-i Pemegang Kad.
    b. Amaun yang diluluskan hanya akan dimasukkan ke dalam akaun peribadi Pemegang Kad yang diselenggara di Malaysia.

14. Mata ganjaran AmBonus/ BonusLink tidak akan diberikan bagi sebarang transaksi yang dilakukan di bawah Program ini.

15. Program ini sah sehingga **28 Februari 2019**. Segala permohonan selepas tarikh tempoh Program adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak Bank.

16. Sebarang pembatalan untuk permohonan Pemegang Kad yang telah diluluskan oleh Bank tidak akan dilayani.

17. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkiran yang bersangkutan dengan Program ini akibat daripada bencana alam, perang, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang berlaku di luar kawalan Bank yang sewajarnya.

18. Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan disini harus ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

19. Pemegang Kad dikehendaki melayari ambank.com.my untuk terma dan syarat terkini program.

20. Untuk bantuan, Pemegang Kad boleh menghubungi pihak Bank melalui Pusat Panggilan kami di +603 2178 8888.

---